



**Tabung Endowmen  
2013, RM 50 Juta**



**Seramai 407 staf UTM  
membuat potongan gaji  
untuk Tabung Endowmen**



**Seramai 260 penerima  
Biasiswa Endowmen  
bagi tahun 2013**



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISU: JAN 2014  
BIL: 1

# **WARTA ENDOWMEN**

## **Tabung Endowmen UTM terima sumbangan RM5 Juta dari Johor Port Berhad**

**PASIR GUDANG, 9 Mac 2013:** Tabung Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mencatat sejarah apabila menerima sumbangan terbesar berjumlah RM5 juta dari Johor Port Berhad.

Pengerusi Johor Port Berhad, Datuk Mohd Sidik Shaik Osman menyampaikan sumbangan itu kepada mantan Naib Canselor UTM, Dato' Seri Prof Dr Zaini Ujang di majlis perasmian UTM-Industry Pasir Gudang Community Engagement (UTM-IPGCE), dekat sini hari ini.

Majlis penyerahan itu disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang turut melancarkan nama baru Pusat Teknologi Marin kepada UTM – Johor Port Marine Technology Centre.

YB Datuk Seri Mohamed Khaled berkata, beliau mengalu-alukan

sumbangan oleh Johor Port Berhad bagi membolehkan UTM mencapai sasaran yang ditetapkan untuk memberi biasiswa kepada semua pelajar ijazah pertama menjelang 2020.

Di majlis berkenaan, Menteri Pengajian Tinggi turut melancarkan nama rasmi Dewan Kuliah Harvard Business School Alumni Club Of Malaysia Foundation.

Beliau berkata, penubuhan Tabung Endowmen UTM pada tahun 2009 adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menyarankan institusi pengajian tinggi awam menjana pendapatan sendiri.

“Semua Universiti Penyelidikan dikehendaki menjana pendapatan sendiri sebanyak 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kewangan yang diperlukan bagi mengurus universiti” katanya.



## **Kempen Sumbangan Endowment Ramadhan & Syawal**

**KUALA LUMPUR, 11 Julai 2013** - Bersempena bulan Ramadan dan Syawal 1434 Hijrah, Universiti Teknologi Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Kempen Sumbangan Endowment Ramadhan dan Syawal.

Kempen yang diadakan sepanjang bulan Ramadan dan Syawal ini adalah untuk mengumpul dana sumbangan daripada seluruh warga Universiti meliputi staf, mahasiswa Alumni UTM, individu dan syarikat korporat bagi meningkatkan Tabung Endowmen selaras dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya melakukan amal jariah sempena bulan yang mulia.



**JOHOR BAHRU, 15 Aug 2013:** Kiswire Malaysia menyumbang RM 3 juta kepada Tabung Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi penubuhan Kerusi profesor.

Penubuhan Kerusi profesor bertujuan memastikan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik UTM di Kiswire dalam bidang Metalurgi & Pembuatan boleh dilaksanakan secara mantap.

## Kiswire Sumbang RM 3 Juta untuk Kerusi profesor

Pengerusi Kiswire Ltd Korea, Encik Hong Young-Chul menyampaikan sumbangan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan inovasi), Prof. Dr Mohd Azraai Bin Kassim di Kota Kis-

wire, dekat sini hari ini. **Sebanyak RM 3 juta diepruntukan untuk Kerusi Profesor bagi tahun 2013**

Kerjasama antara UTM **UNIT ENDOWMEN** dan Kiswire

Malaysia telah terikat melalui pelaksanaan penyelidikan bersama, pembangunan kaitangan dengan mengikuti Sarjana di UTM dan program ‘attachment’

kakitangan UTM di Kiswire.

Kiswire Malaysia ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1989 dan bergabung dengan Kiswire Ltd dimana ibu pejabat adalah di Seoul, Korea.

Kiswire merupakan pemimpin

global dalam industri wayar keluli khas dengan lebih 70% daripada jualan yang dijalankan dalam pasaran luar negara.

**AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH  
ENDOWMEN UTM**



### PENGURUSI

**Y.BHG DATO' ABU BAKAR BIN MOHD NOR**

### NAIB PENGURUSI

**Y.BHG DATO'IR LOW KENG KOK**

### AHLI-AHLI

**Y.BHG TAN SRI DATO' SERI SHAHRI SHAMSUDDIN**

**Y.BHG DATO' SERI IR DR ZAINI BIN UJANG**

**Y.BHG DATO' YAHYA BIN JALIL**

**Y.BHG DATUK (DR) RAMELI BIN MUSA**

**Y.BHG DATO' WEI CHUAN BENG**

**Y.BHG DATO AZMI MOHD ALI**

**PROF. IR. DR WAHID BIN OMAR**

## Penganugerahan Biasiswa Ainuddin Wahid

Universiti Teknologi Malaysia telah menganugerahkan biasiswa berprestij Ainuddin Wahid kepada lima (5) pelajar ijazah kedoktoran sebagai penerima kumpulan pertama biasiswa tersebut.

Dalam majlis Perhimpunan Bulanan Disember 2013 bersama warga UTM, Y. Bhg Naib Canselor UTM, Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar telah mengumumkan penerima dan menganugerahkan biasiswa tersebut kepada Ain Nadia binti Mazlan daripada Fakulti Kejuruteraan Awam, Nor Arlina binti Ahmad Ghani, Mohd Nizam bin Mazenan dan

Gan Hon Seng daripada Fakulti Kejuruteraan Bioperubatan dan Sharanjit Kaur a/p Bhatal Singh daripada Fakulti Komputeran.




Penerima telah menjalani saringan personaliti setelah menuhi kriteria kelayakan asas dan juga telah menjalani sesi temubual yang diadakan bersama panel yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabang-

saan). Pemilihan bukan sahaja berdasarkan kecemerlangan akademik malah menitikberatkan sahsiah dan perwatakan serta personaliti yang berketrampilan.

**10 FAKULTI/PTJ TERBANYAK MENYUMBANG KE DALAM TABUNG ENDOWMEN UTM BAGI TAHUN 2013**

PTJ/FAKULTI	JUMLAH (RM)
CANSELORI	63,117.50
FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH	55,546.00
IBS	33,507.00
PEJABAT HAL EHWAL MAHASISWA DAN ALUMNI	32,072.00
PEJABAT TNC (P&I)	25,570.00
UTM KL	24,129.84
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN	20,900.00
FAKULTI SAINS KOMPUTER & SISTEM MAKLUMAT	19,896.00
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	18,385.00
FAKULTI TAMADUN ISLAM	17,880.00



**Terima Kasih diucapkan ke atas sumbangan yang diberikan oleh Individu/syarikat berikut:**

- Y Bhg Tan Sri Zulkefli A.Hassan
- Y.Bhg Prof Dato' Seri Ir Dr Zaini Bin Ujang
- Y Bhg Dato' Abu Bakar Bin Mohd Nor
- Ir. Nurul Khairul Anuar Bin Maskor (Pe Associates Sdn Bhd)
- Johor Port Berhad
- Ahmad Zaki Sdn Bhd
- Sparkle Precision Sdn Bhd
- Persatuan Pesara Utm
- RLR Trading

**Jutaan terima kasih diucapkan ke atas sumbangan yang diberikan oleh seluruh warga UTM melalui potongan gaji, one off dan lain-lain.**

*Thank You!*

## TRIVIA

### ENDOWMEN UTM



**Sumbangan Terbanyak Tabung Endowmen UTM 2013**

### PEJABAT CANSELORI

**Penyumbang Terbanyak Tabung Endowmen UTM 2013**

### PEJABAT HARTA BINA

**Pemotongan Gaji Terbanyak Tabung Endowmen UTM 2013**

### PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELORI (PENYELIDIKAN)



### UNIT ENDOWMEN

Pejabat Bendahari  
Universiti Teknologi Malaysia  
813100 Johor Bahru  
Tel: 07-3550168  
E-mail: [asyika@utm.my](mailto:asyika@utm.my)  
[lsuriayani@utm.my](mailto:lsuriayani@utm.my)